

Abdullah mahu generasi muda warisi nilai moral tinggi

KUALA LUMPUR 21 Mei — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu generasi muda di kalangan kakitangan awam mewarisi nilai moral dan integriti yang tinggi dalam usaha mencapai kecemerlangan bagi membolehkan Malaysia mencapai matlamat Wawasan 2020 lebih awal.

Perdana Menteri berkata, sikap seperti itu mesti ditanam lebih awal dengan mengutamakan ilmu pengetahuan supaya negara terus cemerlang hasil daripada rakyatnya yang sentiasa berusaha mengejar

kegemilangan dengan bekerja ber-sungguh-sungguh.

“Kita mesti sentiasa menambah ilmu pengetahuan bagi meningkatkan kecekapan khususnya yang berkaitan dengan bidang yang kita ceburi. Malaysia boleh mencapai kecemerlangan dan kegemilangan jika sikap seperti itu dipupuk.

“Cuba kita lihat kegemilangan yang Malaysia pernah catatkan dalam sukan badminton dan bola sepak, kenapa kita tidak lagi berada di tahap kegemilangan itu, (jadi) kita perlu merenung dan memikirkan di

mana dan bagaimana kedudukan Malaysia pada tahun 2020 nanti,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Perhimpunan Hari Pekerja 2004 sektor awam di Institut Tadbiran Negara (Intan) di sini hari ini.

Hadir sama termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak; menteri-menteri Kabinet dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Dalam pada itu, Abdullah berkata, setiap pekerja perlu ada peruba-

han minda dan sikap ke arah mencapai kegemilangan dengan menambah nilai kepada setiap pekerjaan yang dilakukan.

Sebagai kakitangan awam, katanya, mereka perlu memastikan diri sentiasa bersedia menghadapi kejutan dan cabaran.

“Kita terpaksa bersaing dan mesti lebih mampu menjadi kelas pertama dan cemerlang dengan terus berusaha,” katanya.

Menurut beliau, bentuk negara sama ada di barisan hadapan dan cemerlang atau ketinggalan pada

UM - 21/5/2004 : 2
masa depan ditentukan oleh rakyat sendiri.

Sehubungan itu, katanya, rakyat mestilah melakukan yang terbaik dalam setiap perkhidmatan dan sebarang pekerjaan yang diamanahkan kerana akhirnya ia menguntungkan semua pihak dan negara.

“Kita boleh kata negara kita ini baik. Kita stabil dan aman tetapi ini tidak bermakna kita dilindungi sentiasa dengan tembok dan dinding tebal. Kita terdedah kepada apa sahaja,” jelasnya.

Sementara itu, Abdullah meng-

ingatkan kakitangan sektor awam supaya bersabar, berdisiplin, tekun, kasihkan negara seterusnya sentiasa bermuafakat dalam setiap pekerjaan dengan saling menghormati antara satu sama lain walaupun mempunyai bidang tugas berbeza.

Sambil menyifatkan kejayaan Malaysia pada hari ini antaranya adalah hasil hubungan baik dan kerjasama antara pekerja dan kerajaan, beliau berkata, setiap pihak mestilah terus bekerja bersama-sama demi negara.